

Pembangunan semula kampung elak banjir

SHAH ALAM 11 Sept. - Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo berkata, pembangunan semula Kampung Kebun Bunga, Batu Tiga di sini perlu dilakukan bagi menangani masalah banjir di kawasan tersebut.

Beliau berkata, selagi pembangunan semula tidak dibuat, kampung berkenaan akan terus mengalami ancaman banjir setiap kali hujan lebat.

Menurutnya, kampung itu merupakan lokasi yang paling rendah di bandar raya ini kerana ia merupakan bekas sungai yang ditambak dan alirannya dialih.

Sehubungan itu, katanya, wakil rakyat perlu memulakan perbincangan dengan penduduk dan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) untuk membuat pembangunan semula.

"Ini kawasan persendirian, kita tidak boleh buat sesuatu sesuka hati. Perlu ada perbincangan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Siri Syarahan Darul Ehsan di Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), di sini hari ini.

Mohamad Khir mengulas kejadian banjir kilat di kampung berkenaan kelmarin yang menyebabkan kira-kira 1,200 penduduk di kawasan itu terpaksa dipindahkan.

Beliau berkata, kerajaan negeri telah mengenakan syarat semasa pemberian geran iaitu penduduk perlu melakukan pembangunan semula dengan membina rumah yang lebih baik dan teratur.

"Bagaimanapun, mereka tidak buat pembangunan semula. Mulanya mereka kata mahu buat secara sendiri tapi itu tidak berlaku.

"Selagi kawasan itu tidak dinaikkan sampai empat atau lima meter, kampung tersebut akan terus mengalami banjir," katanya.

Kepada satu soalan beliau berkata, kerajaan negeri tetap memberi geran kepada penduduk tersebut walaupun mengetahui kawasan itu rendah kerana mereka telah lama tinggal di kampung berkenaan.

Dalam pada itu, tegasnya, kerajaan negeri telah menjalankan kerja sebagaimana yang dijanjikan selepas banjir besar di bandar raya ini pada Februari lalu, khususnya mengenai penambahan kepada kolam takungan di Taman TTDI Jaya.

Mengenai pampasan kepada mangsa banjir Kampung Kebun Bunga, beliau berkata, setakat ini kerajaan negeri tidak bercadang untuk memberi pampasan.

"Jika kita beri pampasan, kita akan kekurangan peruntukan untuk membina dan menaik taraf ban tanah yang pecah itu pula," katanya.